

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kedudukan negara kita dalam Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International* akan bertambah baik tahun hadapan berserta dengan usaha Kerajaan ke arah ini.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen dan keseriusan usaha memerangi rasuah di Malaysia dinilai di peringkat global melalui skor dan kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index* (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI). CPI merupakan satu indeks antarabangsa yang menilai persepsi rasuah dalam sektor awam berdasarkan hasil tinjauan dan temubual daripada kalangan ahli perniagaan dan pakar-pakar dalam negara yang terlibat.

Pada tahun 2019, Malaysia telah berjaya menaikkan skor daripada skor 47 kepada skor 53 dan daripada kedudukan ke-61 ke kedudukan ke-51 pada tahun 2018 yang terbaik dalam tempoh 20 tahun. Peningkatan pencapaian negara dalam CPI ini membuktikan keseriusan Kerajaan dalam pelaksanaan dasar dan inisiatif-inisiatif Kerajaan berhubung governans, integriti dan antirasuah.

NO. SOALAN : 24

Inisiatif yang dilaksanakan adalah pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang merangkumi 6 bidang keutamaan meliputi:

- i) Tadbir Urus Politik
- ii) Pentadbiran Sektor Awam
- iii) Perolehan Awam
- iv) Perundangan/Kehakiman
- v) Penguatkuasaan Undang-Undang
- vi) Tadbir Urus Korporat

Antaranya ialah pelaksanaan pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen melalui Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi memperkukuh mekanisme semak dan imbang, dan penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crimes Centre - NFCC*) yang bertanggungjawab dalam penyiasatan jenayah kewangan terancang serta pengurusan aset sitaan dan lucuthak serta menambahbaik keberkesanan institusi sistem perundangan dan kehakiman dalam memartabatkan keadilan.

Sehubungan itu, bagi memastikan skor dan kedudukan negara dalam CPI ini terus meningkat, pelaksanaan polisi serta usaha pembaharuan institusi dan undang-undang akan terus dilaksanakan termasuk meneruskan inisiatif Pelan Antirasuah Nasional selaras dengan prinsip akauntabiliti, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan sebagai keutamaan dalam pelaksanaan agenda pentadbiran dan pembangunan merentasi semua sektor.

Diharapkan dengan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah, keyakinan pelabur dan rakyat amnya berjaya ditingkatkan sekaligus prestasi negara dalam CPI akan bertambah baik.

Sekian, terima kasih.